

# ECOZOL CREAM

Econazole nitrate (1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ecozol
2. Bagaimana Ecozol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ecozol
4. Cara menggunakan Ecozol
5. Semasa menggunakan Ecozol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ecozol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Ecozol

Ia digunakan untuk merawat jangkitan pada kulit dan kuku oleh kulat dan yis.

## Bagaimana Ecozol berfungsi

Ecozol membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Ecozol

- Bila tidak boleh menggunakan  
- jika ada alahan terhadap econazole nitrate atau ramuan-ramuan lain Ecozol.

### - Sebelum mula menggunakan

Jangan guna ubat pada atau berhampiran mata. Jangan pakai pembalut luka di atas ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Jika tiada perubahan selepas penggunaan melebihi 2 minggu, hentikan penggunaan ubat dan minta nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan Ecozol

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapu dan gosokkan ubat dengan lembut pada bahagian berkenaan dan sekeliling, dua kali sehari, pagi dan petang.

### - Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ubat perlu diguna untuk jangka rawatan lengkap. Untuk mengelakkan keadaan berulang, ubat perlu digunakan sekurang-kurangnya 2 minggu. Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan Ecozol

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan digunakan pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun kecuali atas nasihat dan pemantauan doktor.

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Rasa terbakar, gatal-gatal, kesakitan dan kemerahan mungkin berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Ecozol

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: econazole nitrate  
- Bahan tidak aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, sodium citrate dan air

### - Nombor MAL:

MAL19900323AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

27/10/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)271017/00290